

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

STW217/STW325 - Kerja Kumpulan

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan kesemuanya. Soalan Bahagian A MESTI dijawab. Jawab SATU (1) soalan dari Bahagian B dan SATU (1) soalan dari Bahagian C.

Bahagian A

Mesti dijawab.

1. Fahaman konsep individu dan konsep kumpulan tidak boleh dipisahkan dalam menjayakan proses kerja kumpulan sebagai satu kaedah membawa pembangunan diri.

Apakah fahaman anda tentang kaitannya individu dan kumpulan dalam pelaksanaan praktis kerja kumpulan dari aspek matlamat, tujuan, keperluan dan rol?

Beri contoh-contoh untuk menyokong jawapan anda.

(40 markah)

Bahagian B (Teori)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

2. Beberapa asas teori dari Barat mengenai proses Kerja Kumpulan mengutara fasa-fasa tertentu dalam pelaksanaan. Apakah fasa-fasa ini? Pilih salah satu dari fasa ini dan bincang apa yang boleh diperhatikan dari aspek keadaan peserta dan suasana kumpulan. Apakah kemahiran yang diperlukan oleh fasilitator untuk menangani keadaan dalam fasa yang telah dipilih?

(30 markah)

3. Beberapa ahli falsafah dari Timur mengutarakan pemikiran mengenai kerja kumpulan. Pilih salah satu dari ahli falsafah ini. Apakah ciri-ciri yang diutarakan mengenai matlamat dan pelaksanaan kerja kumpulan?
(30 markah)

4. Fahaman struktur dalam kumpulan digunakan untuk memudahkan perjalanan kumpulan. Pilih 3 dari 5 elemen yang dikira sebagai struktur ini dan beri penjelasan anda tentang tiap-tiap elemen yang telah dipilih.
(30 markah)

Bahagian C (Praktis)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

5. Apakah masalah yang dihadapi dalam pengalaman anda menjalankan aktiviti secara kumpulan?

Apakah cara-cara yang telah difikirkan untuk menangani masalah ini? Beri contoh-contoh dalam jawapan anda.
(30 markah)

6. Dalam pengalaman kerja luar atau pengalaman lain, bolehkah kerja kumpulan digunakan sebagai kaedah untuk membangun diri klien? Bincang pengalaman anda di mana kerja kumpulan boleh atau tidak boleh dilaksanakan dengan jayanya.
(30 markah)